

Bijak Membeli

Ayah Dinesh membeli seutas jam tangan baharu. Beliau membeli jam tangan itu di sebuah kedai jam yang berjenama.

Jam tangan itu ada waranti. Jika jam tangan itu rosak dalam tempoh tertentu, jam tangan itu akan diganti secara percuma. Selepas tiga bulan, jam tangan yang dibeli oleh ayah Dinesh itu rosak. Beliau pun pergi ke kedai menjual jam tangan tersebut.

Beliau membuat aduan tentang kerosakan jam tangan itu. Beliau menunjukkan kad waranti jam tangan tersebut kepada penjual jam tangan.

Oleh sebab jam tangan itu mempunyai waranti, ayah Dinesh mendapat jam tangan baharu. Ayah Dinesh berasa amat gembira.

The comic strip consists of five panels arranged in two rows. The first panel shows a man in a yellow shirt buying a smartwatch from a shopkeeper. The second panel shows the smartwatch and its warranty card. The third panel shows the man looking at his wrist, indicating the watch is broken. The fourth panel shows the man talking to the shopkeeper, presenting the warranty card. The fifth panel shows the man receiving a new smartwatch and smiling.

- membeli jam tangan
- kedai jam
- ada waranti – jika rosak akan diganti secara percuma
- selepas tiga bulan
- jam tangan rosak
- membuat aduan
- menunjukkan kad waranti
- mendapat jam tangan baharu
- gembira dan berpuas hati